

HASiL/2026/07/23 – 37

SEMINAR HARGA PINDAHAN DAN TADBIR URUS CUKAI KORPORAT
2026: PERKASA PEMATUHAN CUKAI KORPORAT

Pengurusan cukai kini menjadi sebahagian daripada strategi tadbir urus korporat apabila semakin banyak syarikat memberi penekanan terhadap pematuhan cukai, pengurusan risiko dan ketelusan dalam operasi perniagaan.

Perkembangan ini jelas diterjemahkan menerusi sambutan memberangsangkan terhadap Seminar Harga Pindahan dan Tadbir Urus Cukai Korporat 2026 yang mencatatkan penyertaan lebih 1,300 peserta, meningkat 24 peratus berbanding 1,050 peserta pada tahun lalu.

Peningkatan tersebut mencerminkan kesedaran yang semakin tinggi dalam kalangan komuniti perniagaan dan profesional percukaian bahawa tadbir urus cukai yang baik bukan lagi sekadar memenuhi keperluan pematuhan, malah menjadi elemen penting dalam mengurus isu percukaian lebih awal.

Dianjurkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dengan kerjasama strategik Persatuan Alumni Hasil Dalam Negeri (AIRA), seminar yang diadakan secara maya itu menjadi platform perkongsian ilmu dan perbincangan antara HASiL, profesional percukaian serta komuniti perniagaan mengenai cabaran pematuhan cukai korporat dalam ekosistem perniagaan yang semakin kompleks.

Ms | 1



HASILMALAYSIA



HASIL_MALAYSIA

Merasmikan seminar tersebut, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL menyatakan kepentingan kerjasama erat antara HASiL, profesional percukaian dan komuniti perniagaan dalam memperkukuh kepercayaan, memberikan kepastian dan membina ekosistem cukai yang menyokong daya saing ekonomi Malaysia.

Seminar tersebut membincangkan empat topik utama iaitu *Demystifying the Arm's Length Principle Requirements*, *Managing Transfer Pricing Audit Risk*, *Tax Corporate Governance Framework in Malaysia: Expectations and Future Direction* serta *Evaluating e-Invoice Effectiveness: A Post Implementation Audit Perspective*.

Barisan penceramah, moderator dan ahli panel terdiri daripada pegawai kanan HASiL, mantan pengurusan tertinggi HASiL serta profesional dan pengamal percukaian yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

Penganjuran seminar ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan HASiL untuk memperkukuh pendidikan dan kefahaman percukaian selaras dengan Pelan Pendidikan Pembayar Cukai HASiL 2026–2030 yang memberi tumpuan kepada peningkatan pengetahuan, kesedaran dan kefahaman bagi membentuk budaya pematuhan cukai secara sukarela.

Melalui platform pendidikan dan perkongsian ilmu seperti ini, HASiL akan terus memperkukuh kerjasama dengan komuniti perniagaan dan profesional cukai bagi memastikan isu percukaian dapat difahami dan diurus dengan lebih baik, sekali gus

menyokong pembentukan ekosistem perniagaan yang lebih telus, bertanggungjawab dan berdaya saing.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 23 Julai 2026

LAMPIRAN



YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL menyampaikan ucapan perasmian sempena Seminar Harga Pindahan dan Tadbir Urus Cukai Korporat 2026.



Barisan penceramah yang terlibat dalam sesi seminar berkongsi ilmu, pandangan dan kepakaran masing-masing sekali gus memberi nilai tambah kepada para peserta.



Barisan panel yang terdiri daripada pegawai kanan dan mantan pengurusan HASiL serta pengamal percukaian yang berpengalaman.



YBrs. Encik Shahrul Niza Bishahrin, Pengarah Jabatan Khidmat Korporat dalam sesi penyampaian cenderamata hari ini.